

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
STADIUM BOLASEPAK KUALA LUMPUR
PERASMIAN SUKAN OLIMPIK KHAS
09 NOVEMBER 1992

Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan;

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan satu acara sukan yang dikhaskan untuk kanak-kanak yang cacat akal yang dipanggil "Special Olympics" atau Olimpik Khas.

2. Saya amat gembira sukan ini dapat diadakan kerana ini membuktikan masyarakat kita tidak mengabaikan segolongan mereka yang tidak dapat menjalani hidup dengan sempurna.

3. Pujian yang tinggi saya berikan kepada anggota-anggota jawatankuasa penganjur dan mereka yang secara sukarela telah mencurahkan khidmat bakti, wang ringgit dan tenaga bagi menjayakan acara sukan yang istimewa ini.

4. Seperti saya sebutkan sebentar tadi, langkah mengadakan acara sukan khas untuk mereka yang cacat akal ini adalah satu usaha baik dan murni yang selaras dengan cita-cita Kerajaan kita untuk melahirkan satu masyarakat yang ikram atau 'caring society' di negara ini. Ia adalah salah satu daripada matlamat wawasan negara yang hendak dicapai oleh Kerajaan menjelang tahun 2020. Kejayaannya akan banyak bergantung kepada daya usaha dan pengorbanan kita semua.

5. Usaha mengadakan sukan ini membuktikan yang masyarakat kini semakin peka terhadap naluri, nasib hidup dan harapan mereka yang cacat. Perhatian yang diberikan ini akan dapat menimbulkan rasa girang kepada mereka dan perasaan bahawa mereka tidak dilupakan atau ditinggalkan oleh masyarakat bagi mengharungi hidup masing-masing bersendirian tanpa panduan, haluan dan arah tujuan. Sekurang-kurangnya sukan ini membuktikan bahawa mereka yang kurang bernasib baik ini masih disayangi dan dikasihi oleh masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Nasib orang-orang cacat, sama ada cacat anggota tubuh badan, cacat penglihatan, cacat pendengaran atau terencat akal, di negara kita sudah terbela, malah semakin hari semakin baik dan mendapat perhatian yang wajar daripada masyarakat dan Kerajaan.

7. Mereka sudah mempunyai tempat yang baik dalam masyarakat kita hari ini. Mereka tidak lagi disisih atau dipandang hina oleh masyarakat seperti 20 atau 30 tahun dahulu. Malah mereka yang cacat ini diberikan keistimewaan dan peluang yang amat luas untuk menceburi bidang-bidang kemahiran atau peluang-peluang kerjaya yang mereka minati yang ditawarkan oleh pihak swasta dan Kerajaan.

8. Kita melihat ramai daripada orang-orang cacat anggota ini sudah berjaya, umpamanya, dalam bidang pendidikan daripada peringkat rendah hinggalah ke peringkat universiti. Ada juga yang telah menjadi pensyarah di universiti.

9. Ada juga yang sudah berjaya dalam bidang perniagaan dan karier masing-masing. Ada yang menjadi terkenal dan popular di bidang kesenian dan kesusasteraan.

10. Terdapat juga orang-orang yang cacat ini menubuhkan kumpulan, pertubuhan atau persatuan masing-masing untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam mencari perlindungan, bantuan dan peluang-peluang bagi memperbaiki lagi nasib hidup mereka supaya tidak terus menderita sepanjang hayat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Dahulu, orang-orang cacat disembunyikan daripada pandangan saudara-mara, jiran tetangga dan masyarakat sekeliling kerana keluarganya berasa malu mempunyai anak yang tidak sempurna ini.

12. Kepercayaan karut atau kuno bahawa anak-anak yang cacat ini membawa petanda atau nasib yang buruk kepada keluarganya telah menyebabkan anak-anak yang malang ini disisih dan tidak dipedulikan hingga mengakibatkan mereka terseksa dan menderita.

13. Begitulah sikap sesetengah ibu bapa kita pada masa dahulu. Bersyukur kita perbuatan seperti itu sudah berkurangan sekarang. Bagaimanapun, saya tidak menafikan kemungkinan ada lagi ibu bapa yang mengamalkan perbuatan seperti itu pada masa ini. Saya berharap ibu bapa seperti itu sedar akan perbuatan mereka ini yang boleh merosakkan terus masa depan anak-anak mereka yang cacat itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Negara kita mempunyai pelbagai kemudahan dan kelengkapan yang disediakan oleh Kerajaan dan badan-badan sukarela dan swasta bagi membantu anak-anak yang cacat ini memperbaiki cara penghidupan mereka.

15. Sekarang terdapat banyak sekali institusi atau sekolah untuk orang-orang cacat anggota, orang-orang buta dan pekak dan orang-orang terencat akal. Institusi dan sekolah ini menyediakan pelbagai kemudahan kelengkapan bagi pemulihan anggota, kemudahan perubatan, terapi, kaunseling dan sebagainya. Adalah menjadi satu kerugian besar kepada mereka yang tidak mengambil peluang yang disediakan oleh institusi atau sekolah bagi merawat, mengawasi, mendidik atau menjaga anak-anak mereka yang cacat itu.

16. Walaupun usaha ini mungkin tidak dapat memulihkan semula sifat-sifat diri mereka yang cacat ini seperti sediakala, sekurang-kurangnya ia dapat meringankan penderitaan mereka dan beban ibu bapa mereka.

17. Dengan memasukkan mereka ke institusi atau sekolah khas ini anak-anak mereka yang cacat ini mungkin berpeluang menjalani pemeriksaan dan mendapat pemerhatian yang bersistematik dan saintifik bagi memulihkan kecacatan diri mereka itu. Adalah tidak mustahil lama-kelamaan, pada suatu hari nanti anak-anak yang cacat ini akan pulih seperti sediakala setelah mendapat pelbagai didikan dan asuhan di samping rawatan khas. Perkara ini sudah pun banyak dibuktikan oleh kejayaan sekolah-sekolah khas ini dalam membimbing dan memulihkan mereka yang cacat ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Usaha mengadakan Sukan Olimpik Khas ini jelas bukan semata-mata untuk bersuka-suka atau menghabiskan sisa-sisa hidup mereka yang cacat ini tetapi matlamatnya adalah lebih daripada itu.

19. Sukan ini dapat membantu mereka yang terencat akal ini mendapat penghormatan dan penerimaan oleh masyarakat sebagai sebahagian daripada anggotanya di samping memberi mereka peluang menjadi seorang warganegara yang berguna dan produktif.

20. Sebagai contoh, baru-baru ini atlit-atlit negara yang cacat anggota telah mengharumkan nama Malaysia setelah berjaya meraih beberapa kemenangan yang cemerlang semasa sukan Olimpik untuk orang-orang cacat di Barcelona.

21. Mereka telah membuktikan bahawa jika diberi peluang, bimbingan, dorongan dan semangat mereka boleh memperolehi kejayaan yang diinginkan sama seperti orang lain yang normal tubuh badan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak jawatankuasa penganjur sukan khas ini atas jemputannya kepada saya dan kejayaannya mengadakan sukan yang istimewa ini.

23. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Sukan Olimpik Khas ini.